

16/02/1998

Sokong pucuk pimpinan

PASIR MAS, Ahad - Umno Bahagian Pasir Mas meminta semua ketua dan perwakilan 147 cawangan yang akan bermesyuarat pada 21 hingga 27 Februari ini, menyokong pucuk kepemimpinan bahagian yang ada sekarang bagi mengelak perpecahan yang boleh merugikan parti.

Timbalan Ketua Umno bahagian berkenaan, Datuk Abdul Rahim Abdul Rahman, berkata ahli Umno harus berpegang teguh kepada nasihat serta arahan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu pertandingan (jika ada) dilakukan dengan semangat perpaduan dan musyawarah.

(END)